

Tahap Kesediaan Kemahiran Generik Pelajar PKPG Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai

Baharin Abu & Magrit Oligung
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan kemahiran generik pelajar-pelajar PKPG, tindakan yang diambil untuk meningkatkan kemahiran generik dan halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk mempertingkatkan kesediaan generik. Responden kajian ini terdiri daripada 92 orang pelajar PKPG yang dipilih secara rawak mudah. Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan data ialah soal selidik yang mengandungi 55 item. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi soal selidik yang digunakan adalah $\alpha = .98$. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min dengan menggunakan perisian SPSS 11.5. Hasil kajian menunjukkan pelajar PKPG berada pada tahap kesediaan kemahiran generik yang tinggi. Hasil kajian juga mendapati pelajar PKPG bersetuju untuk memperbanyakkan bahan bacaan berkaitan kemahiran generik sebagai cara yang paling efektif untuk meningkatkan kemahiran ini. Hasil kajian menunjukkan kurangnya pengetahuan dan kefahaman tentang konsep kemahiran generik menjadi halangan utama kepada pelajar PKPG untuk mempertingkatkan kesediaan kemahiran generik.

Katakunci : tahap kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG, kemahiran hidup

Pengenalan

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah dilancarkan oleh Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi pada 16 Januari 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya bermatlamat untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua rakyat Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini terdapat 6 teras strategik yang digariskan untuk memperkukuhkan sistem pendidikan negara. Teras 2 'Membangunkan Modal Insan' adalah satu usaha melengkapkan diri pelajar dengan pelbagai kemahiran "hard skills" dan "soft skills" di samping ilmu akademik dan pengetahuan yang luas bagi mengisi keperluan tenaga kerja negara semasa dan pada masa hadapan. Modal insan yang dihasilkan mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi (Pelita Bahasa, Jun 2007).

Selain daripada itu, kejayaan Malaysia memasuki era maklumat dan keupayaan mengambil peluang yang wujud hasil daripada ledakan maklumat dan teknologi bergantung kepada sistem pendidikan dan latihan yang dinamik dan responsif. Pendidikan dan latihan adalah amat penting bagi mewujudkan modal insan yang berpengetahuan bagi menyokong industri dan aktiviti ekonomi baru serta membangunkan masyarakat yang kaya dengan maklumat, progresif, bersatu padu dan kreatif serta mempunyai nilai positif yang membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 (Kerajaan Malaysia, 1999).

Bagi mendukung usaha untuk membangunkan modal insan yang diperlukan oleh negara ini, pelbagai peringkat institusi pendidikan negara turut sama memikul tanggungjawab untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran teknikal dan kemahiran generik. Di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi kemahiran generik diajar secara merentas kurikulum. Para pelajar boleh memperoleh kemahiran generik semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran samada di dalam kelas ataupun di bengkel dan semasa menjalani latihan amali (Seminar Pendidikan 2005,

UTM). Di peringkat institusi pengajian tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyediakan sebuah modul kemahiran generik untuk dilaksanakan di kolej-kolej ataupun universiti (rujuk Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills), 2006). Berpandukan kemahiran generik yang digariskan oleh KPT, Universiti Teknologi Malaysia telah menetapkan kemahiran generik yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajarnya sesuai dengan peranannya melahirkan bakal tenaga kerja yang progresif, dinamik dan memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja semasa disamping modal ilmu pengetahuan dan ketuhanan serta kemanusiaan. Namun, kejayaan pelajar memperoleh dan menguasai kemahiran generik sedikit sebanyak bergantung kepada kualiti tenaga pengajar. Menurut Tetty Henney Zulkifli dan Nik Zafri (2000), kualiti kurikulum dan tenaga pengajar mempengaruhi tahap keterampilan pelajar. Oleh itu tenaga pengajar di semua peringkat institusi pendidikan perlu mempunyai kesediaan pengetahuan dan kemahiran generik supaya peranan tenaga pengajar yang selama ini menjadi pembekal ilmu dan maklumat untuk pelajar dalam bilik darjah dapat diubah kepada kaunselor yang dapat membantu pelajar memperkembangkan kemahiran mencari, menilai dan menggunakan segala ilmu dan maklumat yang diperolehi ke paras yang optimum (teks ucapan pengarah IPDA, 2006).

Pernyataan Masalah

Kemahiran generik boleh menguatkan sistem pendidikan negara dan memberi faedah kepada para pelajar sebagai persiapan awal menceburi bidang kerjaya pendidikan pada masa kini yang semakin mencabar.

Kesediaan kemahiran generik pelajar Program Pensiswazahan Khas Guru (PKPG) amat penting kerana mereka merupakan pelajar tahun akhir yang akan kembali ke alam pekerjaan di sekolah sebagai guru yang mempunyai peranan dan tanggungjawab bukan sahaja mengajar ilmu akademik tetapi juga mengintegrasikan kemahiran generik dalam pengajarannya. Persoalannya, apakah pelajar PKPG sudah mempunyai kesediaan kemahiran generik? Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pelajar PKPG untuk meningkatkan kemahiran generik mereka? Dalam usaha pelajar PKPG untuk mempertingkatkan kesediaan kemahiran generik, apakah halangan-halangan yang mereka hadapi?

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam aspek kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika atau budaya. Selain tahap kesediaan, kajian ini juga mengenalpasti tindakan yang diambil oleh pelajar PKPG untuk meningkatkan kemahiran generik mereka serta halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar PKPG dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan kesediaan kemahiran generik.

Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang sejauh mana kesediaan para pelajar PKPG dalam kemahiran generik. Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut.

- i. Menenalpasti tahap kesediaan generik pelajar PKPG tahun akhir yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup (SPH) di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai
- ii. Menenalpasti tindakan yang diambil oleh pelajar PKPG tahun akhir untuk meningkatkan kemahiran generik.
- iii. Menenalpasti halangan yang dihadapi oleh pelajar PKPG untuk mempertingkatkan kesediaan kemahiran generik.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua warga UTM tentang kemahiran generik.

- a) Hasil kajian ini dapat membantu pihak Fakulti Pendidikan memahami maklumbalas tahap kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG tahun akhir.
- b) Dapat mempertingkatkan lagi kaedah pengajaran tenaga pengajar UTM supaya dapat mendorong pelajar lebih memahami kemahiran generik dari segi istilah dan konsep.
- c) Kajian ini juga membolehkan pelajar PKPG melihat kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki dari segi kesediaan diri dalam kemahiran generik supaya lebih mantap.
- d) Memberi galakkan kepada pelajar mempertingkatkan kemahiran generik sebagai persediaan awal menghadapi alam pekerjaan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif bertujuan memberi penjelasan yang menyeluruh dan tepat tentang tahap kesediaan kemahiran generik pelajar-pelajar PKPG. Penyelidikan deskriptif berbentuk tinjauan dipilih kerana kaedah ini dapat mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku (Mohd Najid Abdul Ghafar, 1999). Pendekatan kuantitatif yang berbentuk statistik deskriptif digunakan bertujuan membuat ringkasan pada data yang diperolehi dari sampel supaya lebih mudah dianalisis. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5 dan seterusnya dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Responden dalam kajian ini adalah seramai 92 orang pelajar PKPG tahun akhir yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai bagi sesi pengajian 2007/2008. Instrumen kajian ini adalah soal selidik bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG. Aspek yang dikaji adalah tahap kesediaan kemahiran generik pelajar, tindakan yang diambil untuk meningkatkan kemahiran generik dan halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk mempertingkatkan kesediaan kemahiran generik mereka.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi pelajar PKPG tahun akhir adalah seramai 121 orang. Daripada jumlah ini hanya seramai 92 orang pelajar yang terlibat sebagai sampel kajian. Penentuan saiz sampel seramai 92 orang ini adalah berdasarkan kepada jadual yang dibina oleh Krejcie dan Morgan (1970) (rujuk Lampiran C) Berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan menunjukkan kadar menentukan jumlah sampel daripada populasi. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah.

Jadual 1 : Saiz Sampel Berbanding Saiz Populasi

Saiz Populasi Pelajar PKPG	Saiz Sampel
121 orang	92 orang

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah satu set soal selidik (rujuk Lampiran A). Pemilihan soal selidik sebagai instrumen kajian kerana soal selidik boleh digunakan untuk mengukur nilai afektif seperti persepsi, sikap, motivasi, perasaan dan

pandangan. Tingkah laku afektif boleh dikelaskan kepada beberapa kategori untuk melambangkan nilai mengikut hierarki atau kepentingan. Misalnya minat seseorang kepada sesuatu perkara boleh dikelaskan kepada sangat minat, minat, kurang atau tidak minat (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Dalam kajian ini kesediaan responden terhadap kemahiran generik dikelaskan kepada sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Terdapat tiga cara untuk membina soal selidik iaitu:

- i. Guna sedia ada
- ii. Ubah suai
- iii. Bina sendiri

Dalam pembinaan set soal selidik ini, penyelidik menggunakan cara ubah suai dan bina sendiri. Pembinaan soal selidik cara guna sedia ada dan ubahsuai dilakukan dengan merujuk kepada beberapa kajian lepas seperti dalam Kamariah Zakaria (2005) dan Jumaatol Halisha binti Bujang (2006) dan Noreen Binti Mohd. Esam (2007). Penyelidik melakukan pengubahsuaian terhadap soal selidik tersebut agar ia bersesuaian dengan responden dan selari dengan persoalan kajian. Bagi pembinaan cara bina sendiri, pengkaji membina item berdasarkan kepada atribut graduan yang telah digariskan oleh pihak universiti. Setelah penggunaan, pengubahsuaian dan pembinaan item dilakukan, penyelidik telah membuat pengesahan item dan melakukan ujian kebolehpercayaan instrumen kajian melalui kajian rintis.

Soal Selidik

Soal selidik yang direka dalam kajian ini mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Jadual 2 menunjukkan kandungan soal selidik secara keseluruhan iaitu jumlah soalan yang terkandung di dalam soal selidik ini adalah 55 soalan termasuk Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

Jadual 2: Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Bilangan Item
A	Latar Belakang Responden	4
B	Tahap kesediaan kemahiran generik pelajar	40
C	Tindakan diambil untuk meningkatkan kemahiran generik pelajar	10
D	Halangan untuk mempertingkatkan kemahiran generik	1
Jumlah Soalan		55

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan pada peringkat awal penyelidikan bagi memastikan kefahaman responden tentang kehendak soalan, kejelasan, kesahan serta kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang akan diberikan kepada responden. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan dimana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Analisis Min Keseluruhan Tahap Kesediaan Kemahiran Generik Pelajar

Bahagian ini melibatkan tujuh aspek kemahiran generik yang memberi maklumat tentang tahap kesediaan kemahiran generik pelajar seperti dalam Jadual 3 di bawah. Berikut adalah hasil analisis data yang diperolehi.

Jadual 3 menunjukkan analisis min keseluruhan bagi tahap kesediaan kemahiran generik pelajar. Daripada jadual tersebut, didapati aspek kemahiran bekerja dalam kumpulan mencatat bacaan min yang tertinggi iaitu 3.40, diikuti oleh aspek keyakinan diri iaitu 3.37 dan aspek etika iaitu 3.27. Aspek kemahiran generik yang mencatat bacaan min yang paling rendah adalah kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran menyesuaikan diri iaitu 3.14. Walau bagaimanapun, kedua-dua aspek ini masih berada pada tahap kesediaan yang tinggi. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan kemahiran generik pelajar adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.25.

Jadual 3: Analisis Min Keseluruhan Tahap Kesediaan Pelajar Bagi Setiap Aspek Kemahiran Generik Pelajar (n = 92)

Bil	Kemahiran Generik	Min	Tahap Kesediaan
1	Kemahiran komunikasi	3.22	Tinggi
2	Kemahiran bekerja dalam kumpulan	3.40	Tinggi
3	Kemahiran penyelesaian masalah	3.14	Tinggi
4	Kemahiran menyesuaikan diri	3.14	Tinggi
5	Pembelajaran sepanjang hayat	3.22	Tinggi
6	Keyakinan diri	3.37	Tinggi
7	Etika dan Moral	3.27	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.25	Tinggi

Bahagian C (Tindakan Diambil Meningkatkan Kemahiran Generik Pelajar)

Analisis data dalam Bahagian C melibatkan 10 item. Bahagian ini menjawab persoalan kajian kedua iaitu “Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pelajar PKPG tahun akhir untuk meningkatkan kemahiran generik?” Data dalam Bahagian C dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item. Berikut adalah hasil analisis data yang diperolehi.

Jadual 4 menunjukkan taburan tindakan yang boleh diambil untuk meningkatkan kemahiran generik pelajar. Berdasarkan kepada jadual di atas, item 1, “*Memperbanyakkan bahan bacaan berkaitan kemahiran generik*”, mendapat nilai min yang paling tinggi iaitu 3.34, diikuti oleh item 10, “*Melibatkan diri dengan aktiviti di dalam kelas seperti aktiviti semasa perbincangan berkumpulan*” dengan nilai min 3.31 dan item 2, “*Membina hubungan dengan orang yang mahir dalam ilmu kemahiran generik*” dengan nilai min 3.29. Ketiga-tiga item ini merupakan tindakan yang paling diberi perhatian oleh pelajar PKPG untuk meningkatkan kesediaan kemahiran generik mereka. Manakala item 8, “*Mewakili kumpulan untuk berucap di khalayak ramai*” yang hanya memperoleh nilai min 3.08 merupakan tindakan yang paling kurang diberi perhatian oleh pelajar PKPG untuk meningkatkan kesediaan kemahiran generik mereka.

Jadual 4: Analisis Kekerapan, Peratusan dan Min Bagi Tindakan Yang Diambil Untuk Meningkatkan Kemahiran Generik Pelajar (n = 92)

Bil.	Item	ATS (1)	TS (2)	S (3)	AS (4)	Min (SP)
1	Memperbanyakkan bahan bacaan berkaitan kemahiran generik.	-	5 5.4%	51 55.4%	36 39.1%	3.34 (0.58)
2	Membina hubungan yang erat dengan orang yang mahir dalam ilmu kemahiran generik.	-	7 5.4%	51 55.4%	34 37.0%	3.29 (0.60)
3	Mengikuti kursus atau program seperti kursus penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar yang dianjurkan oleh pihak universiti.	-	9 9.8%	52 56.5%	31 33.7%	3.24 (0.62)
4	Mendengar ceramah tentang kemahiran generik.	-	12 13.0%	59 64.1%	21 22.8%	3.10 (0.59)
5	Berusaha untuk mempelajari kemahiran generik yang belum dikuasai.	-	3 3.3%	60 65.2%	29 31.5%	3.28 (0.52)
6	Mempraktikkan kemahiran generik dalam kehidupan harian.	-	5 5.4%	60 65.2%	27 29.3%	3.23 (0.54)
7	Berkongsi ilmu kemahiran generik dengan rakan-rakan yang belum menguasai kemahiran generik.	1 1.1%	6 6.5%	58 63.0%	27 29.3%	3.21 (0.60)
8	Mewakili kumpulan untuk berucap di khalayak ramai.	-	17 18.5%	51 55.4%	24 26.1%	3.08 (0.67)
9	Melibatkan diri dengan aktiviti di luar kelas seperti kegiatan ko-kurikulum.	-	7 7.6%	55 59.8%	30 32.6%	3.25 (0.59)
10	Melibatkan diri dengan aktiviti di dalam kelas seperti aktiviti semasa perbincangan berkumpulan.	-	7 7.6%	49 53.3%	36 39.1%	3.31 (0.61)

Bahagian D (Halangan Mempertingkatkan Kesiediaan Kemahiran Generik Pelajar)

Analisis data dalam Bahagian D melibatkan hanya satu item yang dianalisis menggunakan kekerapan bagi setiap halangan yang dinyatakan. Berikut adalah hasil analisis data yang diperolehi.

Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan halangan untuk mempertingkatkan kesiediaan diri pelajar terhadap kemahiran generik. Merujuk kepada Jadual 5 di atas, pernyataan bil. 1, "*kurang pengetahuan dan kefahaman tentang konsep kemahiran generik*" menjadi halangan yang utama yang dihadapi oleh pelajar untuk mempertingkatkan kesiediaan kemahiran generik mereka. Seterusnya halangan yang kedua ialah pernyataan bil. 2, "*Masalah pengurusan masa*", halangan yang ketiga ialah pernyataan bil. 3, "*Kurang keyakinan diri berdiri di hadapan umum*" dan halangan yang keempat ialah pernyataan bil.4, "*Sikap malas berusaha dan kurang berminat mengetahui kemahiran generik*". Halangan yang mendapat kekerapan yang paling rendah ialah pernyataan bil. 8, "*Kurang menguasai Bahasa Inggeris*" memperoleh kekerapan 1.

Jadual 5: Analisis Kekekrapan Halangan Mempertingkatkan Kesediaan Kemahiran Generik Pelajar.

Bil	Halangan	Kekerapan
1	Kurang pengetahuan dan kefahaman tentang konsep kemahiran generik	13
2	Masalah pengurusan masa	9
3	Kurang keyakinan diri berada di hadapan umum	6
4	Sikap malas berusaha dan kurang berminat mengetahui kemahiran generik	5
5	Kekurangan bahan rujukan	4
6	Kurang kemahiran menyesuaikan diri dalam situasi yang baru	3
7	Kurang mendapat kerjasama, sokongan dan galakkan	3
8	Kurang menguasai Bahasa Inggeris	1

Rumusan Kajian

Kajian yang dibuat adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG tahun akhir yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup. Selain tahap kesediaan pelajar, penyelidik juga mengkaji tindakan yang dilakukan oleh pelajar untuk meningkatkan kemahiran generik serta halangan yang dihadapi oleh pelajar dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan kesediaan kemahiran generik. Bagi menentukan tahap kesediaan, sistem skala empat mata telah digunakan dan dikelaskan kepada tiga untuk memudahkan mengira tahap rendah, sederhana dan tinggi. Perisian SPSS 11.5, digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Aspek-aspek yang dikaji dalam penentuan tahap kesediaan kemahiran generik pelajar adalah dari aspek kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika. Semua aspek ini adalah berdasarkan garis panduan atribut graduan UTM.

Daripada hasil kajian didapati bahawa tahap kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG tahun akhir yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah tinggi. Ketujuh-tujuh aspek kemahiran generik iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika berada pada tahap kesediaan yang tinggi dengan nilai min yang tinggi.

Dalam usaha responden untuk meningkatkan kemahiran generik diri, majoriti responden amat bersetuju dengan pernyataan item memperbanyakkan bahan bacaan berkaitan kemahiran generik sebagai satu tindakan yang boleh diambil untuk meningkatkan kemahiran generik mereka. Tindakan yang seterusnya ialah melibatkan diri dengan aktiviti di dalam kelas seperti aktiviti semasa perbincangan berkumpulan dan membina hubungan dengan orang yang mahir dalam ilmu kemahiran generik. Manakala tindakan mewakili kumpulan untuk berucap di khalayak ramai merupakan tindakan yang paling kurang diberi perhatian oleh pelajar PKPG untuk meningkatkan kesediaan kemahiran generik mereka.

Berdasarkan hasil kajian ini, didapati empat halangan utama yang dikenalpasti yang dihadapi oleh pelajar PKPG untuk mempertingkatkan kesediaan diri terhadap kemahiran generik

iaitu kurang pengetahuan dan kefahaman tentang konsep kemahiran generik, masalah pengurusan masa, kurang keyakinan diri berada di hadapan umum dan sikap malas berusaha dan kurang berminat mengetahui kemahiran generik. Halangan lain yang bukan menjadi halangan utama ialah kurang menguasai Bahasa Inggeris.

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa tahap kesediaan kemahiran generik pelajar PKPG tahun akhir yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai adalah pada tahap tinggi.

Rujukan

- Aziz Salleh. (2002). *Teknik Berkomunikasi Dan Berinteraksi Yang Efektif*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd
- Azizi Yahaya *et al.*(2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional
- Brown, Bettina Landkard. (2002). *Generic Skills In Career and Technical Education*, dari <http://www.cete.org/acve/docgen.asp>
- Green, F. (2001). *Market Value of Generic Skills*. Research Paper 8, University of Kent.
- Hasliza Hassan, (2002). Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini. *Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Jumaatol Halisha Binti Bujang (2006). *Kajian Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah*. Laporan Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tidak Diterbitkan.
- Kartini Bt. Baharun (2002). Sekolah Bestari: Pedagogi Abad Ke-21 Dan Profesionalisme Guru. *Jurnal Pendidikan Guru*. 15, 20-32.
- Leggett, Monica *et al.* (2000). *Students and Staff Perceptions of The Importance of Generic Skills In Science*. National Centre for Vocational Education Research Australia
- Manjula A/P Anasamy (2007). *Mengenalpasti Tahap Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar 5STP (A/E/J)*. Laporan Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tidak Diterbitkan.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noreen Binti Mohd. Esam (2007). *Tahap Kesediaan Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Fizik (SPP, SPF, SPM, SPN) Di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai*. Laporan Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tidak Diterbitkan.
- Perry, William G. (1982). *How To Develop Competency-Based Vocational Education*. Prakken Publication. Kamarudin Basir (1996). *Membina Dan Menyusun Unit Pengajaran Berasaskan Kecekapan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Siti Zaleha Omain *et al.* (2007). *Penentuan Kemahiran Generik Yang Sesuai Untuk Sarjana Pengurusan Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Kajian Research Management Center, Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia (Research Vot No: 75101)
- Tetty Henny Zulkifli dan Nik Zafri (2000). *Inovasi dalam Pedagogi, Kurikulum dan Pendidikan Malaysia*. Kertas Kerja
- Zulkifli Ismail (2004). *Pelajar Bestari 5T*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd